



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS** : UNDANG-UNDANG PEKERJAAN  
**KOD KURSUS** : DSM2073  
**PEPERIKSAAN** : OKT 2017  
**MASA** : 2 JAM 30 MINIT

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:

BAHAGIAN A (20 Markah)	
BAHAGIAN B (40 Markah)	
BAHAGIAN C (40 Markah)	
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Kertas Jawapan Objektif
  - iii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

KERTAS SOALANINI MENGANDUNGI 13 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

---



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab **SEMUA** di dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. Mengapakah pekerja perlu bertanggungjawab kepada majikan dengan mematuhi arahan majikannya?
  - A Hal ini disebabkan telah termaktub dalam Akta Kerja 1955.
  - B Hal ini disebabkan pekerja hanya perlu patuh pada arahan yang sah sahaja.
  - C Hal ini disebabkan majikan dan pekerja dianggap sebagai ajen kepada majikan dan perlu melaksanakan tugas yang diarahkan oleh majikan.
  - D Hal ini disebabkan Mahkamah telah memutuskan penolakan mematuhi arahan majikan adalah tindakan ketidakpatuhan secara sengaja.
2. Mengapakah Ujian Organisasi dianggap sebagai ujian yang relevan dengan dunia pekerjaan semasa?
  - A Ujian Organisasi merujuk kepada had pengawalan majikan ke atas pekerjanya.
  - B Ujian Organisasi adalah sebagai penambah dan pelengkap kepada sesebuah organisasi.
  - C Ujian Organisasi digunakan untuk memutuskan kedudukan kontrak pekerjaan seseorang pekerja.
  - D Ujian Organisasi merujuk kepada persetujuan oleh pekerja dengan majikan sama ada secara nyata atau tidak dalam kontrak perkhidmatan.
3. Apakah maksud kontrak perkhidmatan?
  - A Kontrak perkhidmatan ialah kepercayaan antara pihak majikan dan pekerja yang telah dipersetujui secara bersama.
  - B Kontrak perkhidmatan ialah penentuan hak dan tanggungjawab antara majikan dan pekerja secara persetujuan bersama.
  - C Kontrak perkhidmatan ialah apabila majikan mengambil individu bekerja untuknya dan dibayar upah tertentu berdasarkan persetujuan bersama.
  - D Kontrak perkhidmatan ialah perjanjian yang dibuat secara lisan, bertulis, nyata atau tersirat yang seseorang bersetuju untuk menggaji individu sebagai pekerja.

4. Kenal pasti apakah tindakan yang dikatakan jujur dan amanah?

- i. Mematuhi arahan majikan
- ii. Tidak membuat sebarang untung rahsia
- iii. Kepentingan diri tidak berlawanan dengan tugas
- iv. Menyimpan maklumat sulit majikan

- A i dan ii sahaja
- B ii dan iii sahaja
- C i, iii dan iv sahaja
- D ii, iii dan iv sahaja

5. Waktu bilakah upah tidak perlu dibayar kepada pekerja?

- A Upah tidak perlu dibayar kepada pekerja yang berada dalam penjara.
- B Upah tidak perlu dibayar kepada pekerja yang dikenakan tindakan tatatertib.
- C Upah tidak perlu dibayar ketika pekerja hadir ke mahkamah sebagai saksi majikan.
- D Upah tidak perlu dibayar kepada pekerja yang telah ditamatkan perkhidmatannya di bawah kontrak perkhidmatan.

**Soalan 6 dan 7** adalah berdasarkan pernyataan 1 di bawah.

Gaji Joyah ialah RM2,200 sebulan. Pada bulan Mei, beliau diminta bekerja pada Hari Pekerja dengan dua jam kerja lebih masa dari waktu kerja biasa. Hari Ahad adalah hari rehat Joyah. Beliau telah diminta bekerja selama dua jam. Pada hari Jumaat beliau telah bekerja lebih masa sebanyak empat jam. Waktu kerja biasa beliau ialah 8 jam sehari.

#### Pernyataan 1

6. Carikan kadar gaji sehari (ORP) beliau.

- A RM81.78
- B RM83.60
- C RM84.62
- D RM85.00

7. Kirakan jumlah gaji yang mungkin beliau terima pada bulan Mei.
- A RM2,460.70
  - B RM2,538.51
  - C RM3,890.45
  - D RM4,120.80
8. Dalam keadaan bagaimakah seorang kanak-kanak tidak dibenarkan bekerja?
- A Bekerja melebihi tujuh jam sehari.
  - B Pekerjaan yang melibatkan pekerjaan ringan yang sesuai dengan keupayaannya
  - C Pekerjaan di atas sebarang kapal di bawah jagaan ibu bapa atau penjaganya sendiri.
  - D Pekerjaan dalam mana-mana pusat hiburan awam mengikut syarat-syarat dan peraturan-peraturan lesen yang dikeluarkan di bawah Akta Kerja 1955.
9. Mengapakah tiada pengantian cuti bersalin sekiranya cuti umum jatuh pada tempoh cuti bersalin?
- A Seorang pekerja wanita layak mendapat sekurang-kurangnya 60 hari cuti bersalin berbayar secara berturut-turut.
  - B Cuti bersalin adalah selama 60 hari termasuk hari rehat dan sebarang cuti umum yang jatuh dalam tempoh tersebut.
  - C Pekerja telah dibayar gaji bulanan sebagai ganti cuti umum dalam tempoh cuti bersalin.
  - D Pekerja sudah mempunyai lebih lima orang anak ketika tempoh cuti bersalin.
10. Mengapakah Mahkamah Perindustrian tidak mempunyai hak ke atas pertukaran tempat kerja pekerja?
- A Pertukaran ini bukan tujuan merugikan pekerja.
  - B Pertukaran ini tidak bercanggah dengan kontrak dan terma pekerjaan.
  - C Pertukaran ini tidak melibatkan perubahan dalam syarat perkhidmatan.
  - D Pertukaran tempat kerja pekerja adalah salah satu prerogatif pengurusan.

11. Apakah cara yang digunakan untuk penamatkan kontrak pekerjaan?

- A Dengan memberi notis
- B Dengan sebab salah laku
- C Dengan penurunan pangkat
- D Dengan penggunaan prinsip LIFO

12. Dalam keadaan bagaimakah siasatan domestik tidak perlu diadakan?

- A Pekerja yang melakukan kesalahan yang berat.
- B Apabila pekerja tidak mengaku perbuatan salah lakunya.
- C Pekerja sudah ditamatkan perkhidmatan menurut seksyen 15(2) AK 1955.
- D Pekerja sudah mempunyai cukup saksi bagi membicarakan kes salah laku.

13. Kenal pasti apakah yang boleh dilakukan oleh majikan selepas siasatan dalaman dilaksanakan?

- i. Memecat pekerja tanpa notis
- ii. Menurun pangkat pekerja
- iii. Minta pekerja membayar notis
- iv. Mengenakan apa-apa hukuman ringan lain sebagaimana yang disifatkannya adil dan patut

- A i, ii dan iii
- B iii dan iv
- C i, ii dan iv
- D i dan iii

- Menjilat bibir
- Makan dengan menggoda
- Bahasa isyarat yang membayangkan perlakuan seks

Pernyataan 2

14. Berdasarkan pernyataan 2 di atas, nyatakan jenis gangguan seksual yang berlaku.

- A Fizikal
- B Visual
- C Psikologi
- D Bukan lisan

Dalam kes *Khaliyah bte Abbas* lawan *Pesaka Capital Corp. Sdn. Bhd*, perayu adalah sebagai pembantu tadbir dan diletakkan di bawah tempoh percubaan selama tiga bulan. Malangnya selepas tamat tempoh itu perayu telah diberhentikan kerja. Perayu kemudiannya membuat rayuan kerana dipecat tanpa alasan munasabah menurut seksyen 20(1) APP.

Pernyataan 3

15. Berdasarkan pernyataan 3 di atas, pada pandangan anda, apakah award yang mungkin Mahkamah putuskan kepada pekerja yang masih dalam tempoh percubaan?

- A Mahkamah memutuskan bahawa pekerja dalam percubaan mempunyai hak ke atas kerjayanya.
- B Mahkamah memutuskan bahawa pekerja dalam percubaan tidak perlu diberikan notis sebelum pemecatan dilakukan.
- C Mahkamah memutuskan bahawa pekerja dalam percubaan mempunyai hak yang berlainan dengan pekerja tetap.
- D Mahkamah memutuskan bahawa pekerja dalam percubaan mempunyai hak yang sama seperti pekerja tetap dan tidak boleh dipecat tanpa sebarang alasan.

16. Pada tahun bilakah Mahkamah Perindustrian ditubuhkan?

- A 1940
- B 1943
- C 1945
- D 1948

17. Apakah komponen mahkamah Perindustrian?

- A Pengerusi yang dilantik oleh pihak Mahkamah, panel yang mewakili majikan dan panel yang mewakili pekerja.
- B Presiden yang dilantik oleh Yang di Pertuan Agong, panel yang mewakili majikan dan panel yang mewakili pekerja.
- C Ketua Pengarah yang dilantik oleh pihak Mahkamah, panel yang mewakili majikan dan panel yang mewakili pekerja.
- D Presiden Mahkamah yang telah dilantik oleh pihak Mahkamah, panel yang mewakili majikan dan panel yang mewakili pekerja.

18. Manakah antara berikut **bukan** keistimewaan Mahkamah Buruh?

- A Mengamalkan prosiding yang mudah dan tidak formal.
- B Mahkamah Buruh bertindak mengikut kaedah ekuti dan menggunakan budi bicaranya.
- C Perbicaraan kes buruh berdasarkan prinsip keadilan peraturan-peraturan Mahkamah Sivil.
- D Mahkamah Buruh boleh membicarakan tuntutan pekerja tanpa sebarang had dari segi jumlah wang yang hendak dituntut.

19. Berapakah jumlah denda sekiranya majikan gagal mematuhi keputusan atau perintah Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja?

- A Denda melebihi RM10,000 dan dengan harian melebihi RM100 bagi setiap hari kesalahan yang terus berlaku.
- B Denda melebihi RM8,000 dan dengan harian tidak melebihi RM80 bagi setiap hari kesalahan yang terus berlaku
- C Denda tidak melebihi RM10,000 dan dengan harian tidak melebihi RM100 bagi setiap hari kesalahan yang terus berlaku.
- D Denda tidak melebihi RM15,000 dan dengan harian tidak melebihi RM150 bagi setiap hari kesalahan yang terus berlaku.

20. Dalam tempoh berapa jamkah pekerja perlu memaklumkan kepada majikan tentang cuti sakit?

- A 12 jam
- B 24 jam
- C 36 jam
- D 48 jam

[20 MARKAH]

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **EMPAT(4)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan. Jawab di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

- a. Terangkan mana-mana dua (2) had waktu kerja yang tidak membenarkan orang muda bekerja.

(4 markah)

- b. Terangkan tiga (3) syarat seseorang pekerja layak mendapat faedah bersalin.

(6 markah)

**SOALAN 2**

Bincangkan penamatan kontrak pekerjaan melalui kaedah memberi notis.

(10 markah)

**SOALAN 3**

Terangkan prinsip *audi alternam partem*

(10 markah)

**SOALAN 4**

Huraikan dua (2) jenis Prosiding yang boleh dijalankan oleh Mahkamah Perindustrian.

(10 markah)

**[40 MARKAH]**

**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan, jawab **DUA (2)** soalan sahaja.

Jawab di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

- a. Borhan bekerja sebagai pembantu makmal di salah sebuah syarikat swasta di Sarawak. Beliau telah bekerja selama 10 tahun dengan gaji bulanan RM2,400. Syarikat beliau telah mengecilkan operasi dengan melaksanakan pembuangan pekerja. Akhirnya 20% pekerja telah diberhentikan perkhidmatannya.
- Sekiranya Borhan diberhentikan kerja, terangkan bilakah beliau akan mendapat faedah penamatan berkenaan?  
(2 markah)
  - Hitungkan jumlah faedah penamatan yang beliau layak terima.  
(5 markah)
- b. Puan Lola bekerja di Felina Design sebagai Pegawai Pentadbiran dengan bayaran gaji sebanyak RM1,800. Kontrak Perkhidmatan menyatakan waktu bekerja di Felina Design adalah dari hari Ahad sehingga Khamis. Walau bagaimanapun, Puan Lola berasa kecewa dengan majikannya apabila beliau telah dipaksa bekerja pada hari Jumaat.
- Nyatakan sama ada Puan Lola berhak untuk menolak atau tidak sekiranya dipaksa oleh majikan untuk bekerja pada hari Jumaat.  
(1 markah)
  - Sekiranya Puan Lola bekerja pada hari Jumaat, bagaimanakah kadar bayaran kerja lebih masa dikira?  
(2 markah)

- a. Fahrin bekerja sebagai pemandu dengan gaji bulanan RM2,000 di Syarikat Ayam Muda Sdn. Bhd. selama 1 tahun 6 bulan. Beliau telah menghantar notis penamatkan berkuatkuasa pada 1 Januari 2017. Berdasarkan rekod pekerjaan, beliau mempunyai baki cuti tahunan sebanyak 4 hari dan 25 jam kerja lebih masa pada bulan Disember 2016. Semasa sambutan Hari Raya, beliau telah mengambil pendahuluan gaji sebanyak RM2,000 dan 90% bayaran pendahuluan tersebut telah selesai. Kirakan gaji bersih yang sepatutnya beliau terima pada bulan Disember 2016.

(10 markah)

## SOALAN 2

**CEMPAKA COMPANY**  
**No, 10 Jalan Semangka**  
**Kota Kinabalu, Sabah**  
**Tel: 086-885623 | Faks: 086885624**

Rujukan Kami: JLD10.22 (2)  
 Tarikh: 10 Disember 2015

En. Awaluddin Amin  
 12, Taman Mas Jaya  
 Johor Bahru, Johor

Tuan,

**TAWARAN JAWATAN SEBAGAI KERANI PENTADBIRAN**

Sukacitanya, kami menawarkan jawatan sebagai Kerani Pentadbiran di syarikat kami bermula 1 Januari 2016 sehingga 31 Disember 2016. Terma dan syarat perkhidmatan adalah seperti berikut:

- Upah dan gaji** : RM1,100 sebulan.
- Waktu bekerja** : Isnin hingga Jumaat 09.00 pagi hingga 18.00 petang  
                           Waktu rehat              13.00 hingga 13.45 petang
- Cuti Tahunan/ Cuti Sakit** : Anda tidak layak mendapat cuti tahunan dan juga cuti sakit.
- Cuti Umum** : Anda layak mendapat cuti umum termasuklah cuti umum untuk negeri.
- Potongan KWSP** : Potongan KWSP mengikut kadar yang telah ditetapkan oleh pihak KWSP.
- Insurans** : Syarikat menyediakan insurans kemalangan berkumpulan kepada semua staf.
- Notis Penamatian Perkhidmatan** : Sekiranya anda hendak menamatkan perkhidmatan, anda diminta menghantar notis dalam jangka masa tujuh (7) hari. Pihak syarikat boleh menamatkan perkhidmatan anda dengan notis dalam jangkamasa 24 jam. Sekiranya anda telah disahkan jawatan, notis penamatian adalah satu (1) bulan sebelum tarikh akhir penamatian perkhidmatan.

Sekiranya anda menerima tawaran ini, anda perlulah menandatangani dua salinan surat pelantikan ini. Terima kasih

Yang benar,

*Azlan*

**Pengurus Sumber Manusia**

Contoh surat tawaran

Berdasarkan contoh surat tawaran di atas

- a. Terangkan hak Encik Awaluddin sekiranya beliau mengambil cuti rehat sepanjang tempoh perkhidmatannya.

(10 markah)

- b. Encik Awaluddin diminta bekerja pada dua (2) hari Sabtu dari 8.00 pagi hingga 6.00 petang. Beliau juga telah kerja lebih masa selepas pukul 6.00 petang pada hari biasa selama 4 jam. Kirakan jumlah gaji yang majikan perlu bayar kepada Encik Awaluddin pada bulan Januari 2016.

(10 markah)

### SOALAN 3

Encik Shakir telah berkahwin dan mempunyai tiga orang anak. Encik Shakir merupakan seorang yang pendiam dan amat menyayangi keluarganya. Baru-baru ini, di tempat kerja beliau, seorang gadis muda telah jatuh cinta pada Encik Shakir dan sering mengambil kesempatan untuk menyentuh dan memegang Encik Shakir. Encik Shakir rasa amat tidak selesa dengan tindakan gadis muda tersebut dan telah memberitahu pengurus beliau serta cuba mengelak dari gadis muda tersebut. Pengurus beliau tidak percaya kepada Encik Shakir sebaliknya telah memecat beliau. Encik Shakir rasa tidak puas hati kerana beliau merupakan mangsa gangguan seksual tetapi telah dipecat dengan tidak adil.

- a. Nasihatkan Encik Shakir tentang haknya.

(10 markah)

- b. Menurut Kod Amalan, pihak pengurusan hendaklah menyediakan mekanisme domestik bagi mencegah, menangani dan membasi gangguan seksual di tempat kerja. Bincangkan **lima (5)** mekanisme yang disarankan oleh Kod Amalan berkenaan.

(10 markah)

**[40 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**